



---

---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**22 JANUARI 2022 (SABTU)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**22 JANUARI 2022 (SABTU)**

# Boleh naik harga dengan syarat tiada unsur catut

Kebenaran diberi berikutkan peniaga berdepan kenaikan harga bahan mentah

Oleh Mohd Roji Kawi  
dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

**Kuching:** Peniaga makanan kini dibenar untuk menaikkan harga jualan masing-masing dengan syarat memastikan tiada sebarang unsur mencatut atau mengaut keuntungan yang terlampaui tinggi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata kebenaran itu diberi berikutkan ramai peniaga makanan kini berdepan masalah susulan peningkatan harga bahan mentah.

Justeru katanya, peniaga harus memastikan kenaikan harga barang jualan mereka itu adalah munasabah dan tidak membekangkan pengguna.

"Kita sudah berunding dengan peniaga dan meminta mereka agar tidak menaikkan harga barang secara mendadak.

"Kita juga hendak memastikan peniaga tidak mengalami kerugian kerana harga bahan mentah sudah terlalu meningkat sebab itu mereka boleh menaikkan harga tetapi tidak ada



Rosol (dua dari kanan) ketika mengadakan tinjauan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, Kuching, semalam.

(Foto Nadim Bokhari/BH)

unsur mencatut iaitu janganan mengaut keuntungan terlampaui tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan tinjauan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Penguruh Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Datuk Wee Hong Seng.

Rosol berkata, kebenaran itu diberikan selepas pihaknya mengkaji terdapat keperluan untuk menaikkan sedikit harga barang kerana menjadi tanggungjawab KPDNHEP untuk menjaga semua pihak, peniaga dan pengguna.

Mengenai kenaikan harga ayam yang diramal meningkat selepas SHMKM tamat 4 Februari ini, Rosol berkata, pihaknya sudah bersedia menanganinya termasuk menambah kuantiti ayam di pasaran.

Beliau berkata, pihaknya sudah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan In-

dustri Makanan (MAFI) untuk meningkatkan bekalan dengan membawa ayam impor.

"MAFI pun sudah menerangkan 20 permit import (AP) untuk menyelesaikan masalah bekalan seterusnya mengawal harga ayam di pasaran," katanya.

Mengenai isu Identifikasi Frekuensi Radio (RFID), katanya, ia sudah dibawa dalam mesyuarat Kabinet dan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) diminta membuka lebih banyak lorong Touch N Go (TnG) dan SmartTAG bagi memastikan kelancaran pembayaran.

# FOMCA mohon kenaikan selari peningkatan kos

**Kuala Lumpur:** Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mengakui wujudnya keperluan kepada peniaga makanan untuk menaikkan harga jualan masing-masing,

sing, susulan peningkatan kos khususnya membabitkan bahan mentah yang dialami mereka.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata bagaimanapun pihaknya memo-

hon supaya kenaikan itu selari dengan peningkatan kos dialami peniaga, sekali gus tidak mempunyai unsur sengaja mengambil kesempatan mengaut keuntungan.

"Kalau ikutkan pengguna, memanglah mahu dapatkan kepuasan dengan membeli makanan dengan harga berpatutan, namun mereka perlu faham peniaga kini berhadapan dengan kenaikan harga barang dan bahan mentah.

"Jika harga lama dikekalkan sedangkan harga bahan mentah alami peningkatan, mereka akan mengalami kerugian dan mungkin akan berhenti berniaga, akhirnya pengguna juga mengalami masalah kerana tidak dapat membeli barang," katanya kepada *BH*, di sini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid bahawa peniaga makanan boleh menaikkan harga barang jualan mereka dengan syarat tidak ada unsur mencatut.

Mohd Yusof berkata, peniaga perlu bertanggungjawab, di mana jika kenaikan kos bahan mentah adalah 10 peratus, maka peningkatan bahan jualan juga perlu sama.

Beliau berkata, manakala

bagi peniaga yang tidak terabit dalam kenaikan bahan kos perlu mengekalkan barangan jualan mereka pada harga sama.

"Susu kita nak menentukan kenaikan berapa banyak yang disifatkan munasabah kalau pada pengguna, cukup sekadar 10 atau 20 sen, namun sudah tentu peniaga meningkatkan lebih daripada itu.

"Adalah penting juga bagi peniaga untuk mempunyai bukti mereka berdepan dengan kenaikan bahan mentah melalui bil bagi memastikan tindakan mereka adalah suatu keperluan," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP), Datuk Mohamad Abdullah, mengakui pihaknya menarik nafas lega dengan 'lampa hijau' yang diberikan kerajaan selepas lebih enam bulan peniaga terhimpit dengan kenaikan kos bahan mentah.

Beliau berkata, namun dalam masa sama, peniaga perlu juga

memastikan pengguna tidak terbeban dengan harga jualan baharu itu.

"Sejak pertengahan tahun lalu, peniaga berdepan dengan kenaikan harga barang dari 30 hingga 50 peratus. Contohnya kalau sebelum ini, seekor ayam boleh dapat pada harga RM10 hingga RM12.

"Namun, kini ia sudah mencelci lebih RM20. Bagi peniaga, kita tiada pilihan dan terpaksa membelinya juga, begitu juga dengan harga minyak masak dan sayur-sayuran," katanya.

Beliau berkata, kenaikan harga kos ini juga dibebaskan oleh faktor cuaca dan kekurangan pekerja di ladang.

Katanya, bagi mengawal harga kos ini, kerajaan disaran memainkan peranan sebagai 'bank makanan' dengan menjadi pembekal secara berkelompok bahan mentah.

"Jika kerajaan sendiri menjadi pembekal tanpa orang tengah, harga itu boleh dikawal dengan lebih mudah berbanding menyerahkan kepada pemain industri," katanya.



Mohd Yusof  
Abdul Rahman

HARI : SABTU  
TARIKH : 22/1/2022  
M/SURAT : 1

**PENIAGA BOLEH NAIKKAN HARGA MAKANAN ASALKAN TIDAK MELAMPAU**

SUSULAN harga barang mentah yang semakin meningkat, peniaga makanan dibenarkan untuk menaikkan harga jualan mereka dengan syarat tiada sebarang unsur mencatut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, terdapat keluhan dan rungutan daripada para peniaga yang mengatakan harga makanan yang dijual terpaksa dinaikkan kerana harga barang mentah yang terlalu tinggi.



# Peniaga makanan boleh naikkan harga

Dengan syarat tiada kenaikan melampau

KUCHING

**S**usulan harga barang mentah yang semakin meningkat, peniaga makanan dibenarkan untuk menaikkan harga jualan mereka dengan syarat tiada sebarang unsur mencaut, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid.

Beliau berkata, terdapat keluhan dan rungutan daripada para peniaga yang mengatakan barang makanan yang dijual mereka terpaksa dinaikkan harga, kerana barang mentah yang mereka terima hari ini sudah terlalu tinggi.

“Mereka (peniaga) boleh menaikkan harga, tetapi keuntungan yang dapat tidak boleh terlalu tinggi. Peniaga memang mahu untung tapi janganlah melampau keuntungan yang sebenar.”

“Kita lakukan sesi libat urus dan di kementerian kita menjaga dari sudut perdagangan dan pengguna. Kita mahu peniaga bermiaga dengan beretika dan pengguna tidak teraniaya,” katanya kepada pemberita di sini pada Jumaat.



Rosol (tiga, kiri) menyampaikan risalah ketika meninjau pelaksanaan dan pematuhan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, Kuching yang telah bermula sejak 7 Disember lalu sehingga 4 Februari depan.

Rosol berkata demikian selepas meninjau pelaksanaan dan pematuhan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong yang telah bermula sejak 7 Disember lalu sehingga 4 Februari depan.

Turut hadir Pengarah Penguasa Kewasa KPDNHEP Azman Adam dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan Datuk Wee Hong Seng.

Sementara itu, bagi menyelesaikan masalah kenaikan harga ayam yang dijangka timbul selepas

SHMKM tamat, Rosol berkata KPDNHEP dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), telah mengeluarkan lebih daripada 20 Permit Kelulusan (AP) untuk mengimbangkan harga dalam pasaran.

Mengenai SHMKM, Rosol berkata kerajaan akan menilai semula kedudukan harga barang dan inflasi berdasarkan input dari Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), Kementerian Kewangan dan MAFI, sebelum membuatkan sama ada untuk melanjutkan skim itu atau sebaliknya.

- Bernama

LAPORAN  
MUKA  
DEPAN

HARI : SABTU  
TARIKH : 22/1/2022  
M/SURAT : 12

MENTERI BERI 'LAMPU HIJAU'

# BOLEH NAIK HARGA

Kuching

**S**usulan harga barang mentah yang semakin meningkat, peniaga makanan dibenarkan untuk menaikkan harga jualan mereka dengan syarat tiada sebarang unsur mencatut, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, semalam.

Beliau berkata, terdapat keluhan dan rungutan daripada peniaga mengatakan barang makanan yang dijual mereka terpaksa dinaikkan harga kerana barang mentah yang mereka terima hari ini sudah terlalu tinggi.

"Mereka (peniaga) boleh menaikkan harga, tetapi keuntungan yang dapat tidak boleh terlalu tinggi. Peniaga memang mahu untung tapi janganlah melampaui keuntungan yang sebenarnya."

"Kita lakukan sesi libur dan di kementerian kita menjaga dari sudut perdagangan serta pengguna. Kita mahu peniaga berniaga dengan beretika dan pengguna tidak teraniaya," katanya.

Rosol berkata demikian



ROSOL (empat dari kanan) meninjau pelaksanaan SHMKM di Pasar Komuniti Stutong. - Gambar NSTP/NADIM BOKHARI

selepas meninjau pelaksanaan dan pematuhan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong yang bermula sejak 7 Disember lalu sehingga 4 Februari depan.

Turut hadir, Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya

Pelaksanaan  
SHMKM bermula sejak  
7 Disember lalu hingga  
4 Februari depan

Kuching Selatan, Datuk Wee Hong Seng.

Sementara itu, bagi menyelesaikan masalah kenaikan harga ayam yang dijangka timbul selepas SHMKM tamat, Rosol berkata, KPDNHEP dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafii) mengelu-

kan lebih daripada 20 Permit Kelulusan (AP) untuk mengimbangkan harga dalam pasaran.

Mengenai SHMKM, Rosol berkata, kerajaan akan menilai semula kedudukan harga barang dan inflasi berdasarkan input dari Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), Kementerian Keuangan dan Mafii sebelum memutuskan sama ada untuk melanjutkan skim itu atau sebaliknya. - Bernama

HARI : **SABTU**  
TARIKH : **22/1/2022**  
M/SURAT : **12**

## **Rampasan barang bernilai RM1.3 juta**

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu memrampas pelbagai barang bernilai hampir RM1.3 juta sepanjang tahun lalu.

Pengaruhnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, ia susulan serbuan dan pemeriksaan terhadap 51,160 premis perniagaan termasuk pengilang, pemborong dan peruncit.

Katanya, sebanyak 668 kes berjaya dikesan dalam tempoh berkenaan membabitkan kompaun bernilai RM189,750.

"Daripada 668 kes, sebanyak 116 kes membabitkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Manakala selebihnya sebanyak 116 kes membabitkan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta Akta Timbang dan Sukat 1972," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.



Seramai 117 pegawai penguat kuasa dan 58 pegawai pemantau harga digerakkan untuk melakukan pemantauan dan operasi di seluruh Terengganu"

*Saharuddin Mohd Kia*

Saharuddin berkata, pihaknya turut merekodkan 40 kes daripada 1,747 pemeriksaan dalam tempoh 13 hari bermula 1 Januari lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, kompaun bernilai RM4,700 turut dikeluaran.

"Seramai 117 pegawai penguat kuasa dan 58 pegawai pemantau harga digerakkan untuk melakukan pemantauan dan operasi di seluruh Terengganu. Ia bukan dilakukan ketika kita menerima aduan pengguna sahaja, sebaliknya sepanjang masa," katanya.

HARI : SABTU  
TARIKH : 22/1/2022  
M/SURAT : 8



Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid (second from right) speaking to a trader during a review of the implementation and compliance of the Malaysian Family Maximum Price Scheme at the Stutong community market in Kuching yesterday. BERNAMA PIC

#### RISE IN COST OF RAW MATERIALS

## Food traders may increase prices but no profiteering

**KUCHING:** Following the rise in prices of raw materials, food traders are allowed to increase their selling prices as long as there is no element of profiteering, Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid said yesterday.

He said there were complaints from traders that the prices of food items had to be increased as the costs of raw materials had skyrocketed.

"Obviously, traders want profits. They (traders) may increase (selling) prices but their profits must not be excessive."

"We held engagement sessions

and the ministry takes care of the trading aspect, as well as the consumers."

"We want traders to do business ethically and we do not want consumers to be deceived," he said after reviewing the implementation and compliance of the Malaysian Family Maximum Price Scheme (SHMKM) at the Stutong community market, here.

The price scheme, which began on Dec 7, will end on Feb 4.

Present were the ministry's enforcement director Azman Adam and Kuching South City Council mayor Datuk Wee Hong Seng.

On the issue of rising prices of

chicken that is expected to be resolved once the scheme ends, Rosol said the Domestic Trade and Consumer Affairs and the Agriculture and Food Industries Ministry had issued more than 20 approved permits to balance prices in the market.

With regard to the price scheme, Rosol said the government would re-evaluate the prices of goods, as well as inflation based on input from the Department of Statistics, the Finance Ministry and the Agriculture and Food Industries Ministry before deciding on whether to extend the scheme.

Bernama

## 'Boleh naik harga, jangan mencatut'

**KUCHING** – Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid menegaskan para peniaga boleh menaikkan harga jualan asalkan tidak membebankan pengguna.

Beliau berkata, kebenaran itu diberikan susulan ramai peniaga turut terbebas dengan kenaikan harga bahan mentah.

"Kita sudah berunding dengan peniaga dan meminta agar mereka tidak menaikkan harga secara mendadak.

"Kita juga mahu memastikan peniaga tidak mengalami kerugian kerana kenaikan harga bahan mentah. Sebab itu mereka boleh naikkan harga tetapi tidak ada unsur mencatut," tambahnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan tinjauan sempena pelak-



PENIAGA dibenarkan menaikkan harga barang selagi tiada unsur pencatutan. — GAMBAR FIIASAN

sanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, di sini semalam.

Tambah Rosol, kebenaran itu juga diberikan susulan kajian dilakukan oleh pihaknya yang mengesahkan perluasan untuk menaikkan harga barang serta menjadi tanggungjawab kementerian untuk menjaga semua pihak termasuk peniaga dan pengguna.

Kementerian juga sudah bersedia untuk menangani kenaikan harga ayam yang diramalkan akan berlaku selepas SHMKM tamat 4 Februari ini.

"Ia juga termasuk menambah kuantiti ayam di pasaran di mana untuk itu, pihak kementerian berkerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk meningkatkan bekalan dengan membawa masuk ayam import," tambahnya.

## Terengganu tidak cukup minyak paket

**KUALA NERUS** — Masalah kekurangan minyak masak paket bersubsidi kembali membelenggu daerah ini dan Kuala Terengganu sejak hampir seminggu lalu.

Tinjauan Kosmo! di beberapa kedai runcit dan pasar raya di sekitar daerah ini dan Kuala Terengganu semalam mendapati bekalan minyak masak paket bersubsidi amat terhad dengan kebanyakannya tidak menjual langsung barang keperluan tersebut.

Kekurangan minyak masak paket bersubsidi itu bukan sahaja meresahkan pengguna malah golongan peniaga.

Seorang pengusaha kedai

runcit, Suriani Ibrahim, 43, mendakwa masalah kekurangan minyak masak paket itu sudah berlarutan sejak sebulan lalu dan semakin meruncing sejak minggu lalu.

"Pemborong sudah lama tidak menghantar tetapi saya yang perlu ke gudang mereka bagi mendapatkan bekalan minyak masak paket," katanya.

Seorang lagi pengusaha kedai runcit, Hamid Rani, 72, mendakwa dia juga sudah seminggu tidak menerima bekalan minyak masak.

Dia mendakwa, sebelum ini, dia cuma menerima dua kotak mengandungi 34 paket minyak setiap minggu.



**SURIANI** menunjukkan kotak minyak masak paket yang kosong di kedai runcitnya di Kampung Padang Air, Kuala Nerus semalam.

# Cawangan pertama Nojima di Malaysia

POTO: ASRILA ISWANDI SHUKOR



Nojima menawarkan pelbagai produk berkualiti tinggi merangkumi teknologi, kelengkapan kediaman dan alat elektronik mampu milik.

Bakal menjadi pusat sehenti kelengkapan kediaman

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

KUALA LUMPUR

**P**eruncit terkemuka di Jepun, Nojima Corporation (Nojima) merasmikan pembukaan cawangan pertamanya di Malaysia di Mitsui Shopping Park, LaLaport di sini pada Khamis.

Nojima merupakan salah satu peruncit yang inovatif dan berpengalaman memenuhi cita rasa pelanggan, selain menawarkan pelbagai produk berkualiti tinggi merangkumi teknologi terkini kelengkapan kediaman dan elek-

tronik mampu milik.

Ia juga bakal menjadi pusat sehenti untuk mereka yang berhasrat mendapatkan kelengkapan kediaman termasuk perabot.

Bagi mencapai hasrat tersebut, Nojima dalam satu kenyataan pada Khamis berkata, pihaknya akan bersinergi dengan syarikat induk yang berpegang pada prinsip dan tradisi Jepun, berasaskan kepercayaan dan hubungan dengan pelanggan.

“Selain menawarkan



Rosol (dua dari kiri) merasmikan pembukaan pertama cawangan Nojima di Mitsui Shopping Park LaLaport, Kuala Lumpur pada Khamis.

rangkaian produk yang luas, kami turut melatih pasukan perunding jualan bagi memastikan pelanggan menikmati pengalaman menyeronokkan ketika membeli-belah.

“Kami akan berusaha sebaik mungkin untuk masa depan perniagaan ini,” menurut kenyataan tersebut.

Pembukaan pertama cawangan Nojima telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

Hadir sama, Pengarah Penguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam dan Ketua Pegawai Eksekutif Nojima Malaysia, Harry Higashiuwa.

Sehubungan itu, Nojima

mengalu-alukan pelanggan mengunjungi cawangan Nojima di Mitsui Shopping Park LaLaport, Kuala Lumpur kerana banyak tawaran menarik menanti pengunjung.

Sementara itu, Rosol ketika ditemui *Sinar Harian* berkata, pembukaan cawangan Nojima membuktikan keyakinan pelabur asing terhadap pembangunan ekonomi dan politik negara ini.

“Ia pembukaan pertama di Malaysia selepas mempunyai hampir 800 cawangan di Jepun.

“Ia juga menunjukkan mereka mempunyai keyakinan untuk membuka cawangan di sini, sekali gus menarik lebih ramai lagi peruncit dari luar membuka perniagaan di Malaysia,” kata beliau.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : SABTU  
TARIKH : 22/1/2022  
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan			
Ayam	RM7.99	Telur Gred A	RM12.45
Daging Lembu Tempatan	RM42.99	Ikan Kembung	RM16.99
Daging Lembu Import	RM28	Minyak Masak	RM6.70
Gula Pasir	RM2.85	Bawang Besar Holland	RM1.80
Bawang Putih	RM5.50	Cili Merah	RM8.89
Kubis Tempatan	RM4.50	Tepung Gandum	RM2.25

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP